



**GARIS PANDUAN PENGURUSAN
PANJAR KHAS TABUNG BANTUAN SEGERA**

KANDUNGAN

	PEKARA	MUKASURAT
I	Tatacara Pengurusan Panjar Khas Tabung Bantuan Segera (TBS)	1
	1. Pendahuluan	2
	2. Latar Belakang	2
	3. Kategori TBS	3
	4. Kriteria Kelayakan	3
	5. Kuasa Melulus	5
	6. Kaedah Permohonan	6
	7. Dokumen Diperlukan	6
	8. Kadar Bantuan	6
	9. Proses Kerja dan Carta Alir	6
II	Tatacara Pengurusan Kewangan Panjar Khas Tabung Bantuan Segera (TBS)	8
	A. Perwakilan Kuasa Dan Kuasa Tetap Panjar Khas	9
	B. Tatacara Mewujudkan Panjar Khas, Menambah Had Apungan, Mengurangkan Had Apungan, Menutup Panjar Khas dan Menukar Akaun Bank Panjar Khas	13
	C. Tatacara Pembayaran Melalui Panjar Khas Tabung Bantuan Segera	24
	D. Tatacara Rekupmen Dan Penerimaan Rekupmen Panjar Khas	30
	E. Tatacara Pengurusan Hibah Dan Caj Bank	34
	F. Tatacara Penyimpanan Panjar Dan Keselematan Panjar	37
	G. Tatacara Pengurusan Sijil Perakuan Panjar Dan Penyata Penyesuaian Bank Panjar	39
III	Senarai Lampiran	45



BAHAGIAN I:
TATACARA PENGURUSAN PANJAR KHAS
TABUNG BANTUAN SEGERA

**PANDUAN PENGURUSAN PANJAR KHAS
TABUNG BANTUAN SEGERA
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara bagi pengendalian dan penggunaan Panjar Khas bagi Tabung Bantuan Segera (TBS) Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- 1.2 Panduan ini adalah bagi membolehkan bayaran dibuat secara serta merta tetapi masih lagi tertakluk kepada kawalan dalaman bagi tujuan pemantauan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 JKM telah mendapat kelulusan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia bagi mewujudkan TBS sebanyak RM20,000.00 bagi setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN) kecuali Perlis dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan yang diperuntukkan sebanyak RM10,000.00, melalui surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia ANM/POPA/SPA/4/10.7(02) bertarikh 24 April 2008 (**Lampiran 1**).
- 2.2 TBS telah diberi kelulusan perluasan penggunaannya melalui surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia ANM/POPA/SPA/4/10.7(19) bertarikh 7 September 2010 (**Lampiran 2**).
- 2.3 Perluasan Penggunaan Panjar Khas Tabung Bantuan Segera (TBS), Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bilangan 1 Tahun 2015 melalui surat JKMM:600/04/19Jld 3 (15) bertarikh 3 Julai 2015 (**Lampiran 3**).
- 2.4 Garis Panduan Pengurusan Bantuan Kewangan Persekutuan Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018, JKM 100/03/1/Jld 4 (20) bertarikh 29 Jun 2018 (**Lampiran 4**).

3. KATEGORI TBS

- 3.1 Bantuan serta merta;
- 3.2 Bantuan Segera melalui Aktiviti/Program Pendampingan Sosial (*Outreach Programme*);
- 3.3 Bayaran pertama bagi bantuan bulanan;
- 3.4 Bayaran balik bantuan (*refund*);
- 3.5 Mangsa Bencana Kecil/ Terpencil;
- 3.6 Kes Terdampar; dan
- 3.7 Bantuan sekaligus bagi kes yang memerlukan.

4. KRITERIA KELAYAKAN

4.1 Bantuan Serta Merta

- (a) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- (b) Pemohon yang sangat memerlukan bantuan segera dan tidak boleh menunggu proses permohonan bantuan biasa kerana keadaan keperluan asas kehidupan hariannya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, utiliti, kesihatan dan lain-lain yang perlu ditangani dengan segera sebelum kes tersebut dibuat siasatan lanjut; dan
- (c) Sekiranya pemohon layak untuk dipertimbangkan bantuan bulanan, proses permohonan bantuan hendaklah dijalankan.

4.2 Bantuan Segera melalui Aktiviti/Program Pendampingan Sosial (*Outreach Programme*)

- (a) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- (b) Bagi kes yang dilayani semasa Program Pendampingan Sosial (*Outreach Programme*) melibatkan aktiviti di luar

pejabat seperti program cari dan bantu (*Search & Serve*), Program Ziarah Kasih dan lain-lain; dan

- (c) Sekiranya pemohon layak untuk dipertimbangkan bantuan bulanan, proses permohonan bantuan hendaklah dijalankan.

4.3 Bayaran Pertama Bagi Bantuan Bulanan

- (a) Bagi tujuan pembayaran pertama bantuan bulanan Persekutuan sahaja dengan kadar bayaran berdasarkan kepada bantuan bulanan yang diluluskan.

4.4 Bayaran Balik Bantuan (*Refund*)

- (a) Bayaran balik bantuan kepada penerima bantuan bulanan Persekutuan sahaja yang tidak dapat dibayar pada bulan sebelumnya (*refund*) melalui AP 96(a); dan
- (b) Bayaran balik hanya boleh dibuat bagi kes-kes tertentu seperti sakit mengejut, kemalangan, dimasukkan ke hospital dan lain-lain alasan yang munasabah.

4.5 Mangsa Bencana Kecil/Terpencil

- (a) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- (b) Pemberian bantuan bagi mangsa bencana yang melibatkan kerosakan rumah dan harta benda;
- (c) Bergantung kepada baki semasa panjar TBS;
- (d) Bantuan diberi kepada Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR) dan
- (e) Sekiranya pemohon layak untuk dipertimbangkan bantuan bulanan, proses permohonan bantuan hendaklah dijalankan.

4.6 Kes Terdampar

- (a) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia; dan
- (b) Kes terdampar akibat daripada keadaan tertentu yang memerlukan bantuan segera seperti rujukan hospital atau mangsa kecurian/seluk saku atau mangsa agen pekerjaan atau bekas banduan yang baru keluar dari penjara dengan rujukan penjara.

4.7 Bantuan sekaligus bagi kes yang memerlukan

- (a) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia; dan
- (b) Kes yang mengalami musibah mengejut dan memerlukan bantuan segera seperti kematian ibubapa akibat kemalangan menyebabkan ahli keluarga hilang tempat bergantung atau apa-apa kes lain yang sangat memerlukan.

Catatan: Mana-mana kes yang berkeperluan selain daripada kategori 4.1 – 4.7, layak dipertimbangkan dengan kelulusan oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri (PKMN).

5. KUASA MELULUS

Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri/Wilayah Persekutuan boleh menurunkan kuasa untuk meluluskan TBS kepada:

- (a) Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian (PKMD/J/B).
- (b) Ketua Bahagian/Unit yang bertanggungjawab secara langsung terhadap perkhidmatan bantuan.
- (c) Pegawai gred S29 ke atas yang dinamakan secara khusus. Pegawai berkenaan tidak boleh memberi keputusan/kelulusan bagi kes yang disiasat sendiri.

6. KAEDAH PERMOHONAN

- 6.1 Permohonan TBS mestilah diproses menggunakan Borang Tabung Bantuan Segera (**Lampiran 5**) melalui sistem eBantuanJKM.
- 6.2 Sekiranya **sistem tergendala**, permohonan boleh diproses secara manual dan perlu mengemaskini ke dalam sistem eBantuanJKM bagi tujuan rekod.
- 6.3 Permohonan juga boleh diproses secara manual bagi Aktiviti/Program Pendampingan Sosial (*Outreach Programme*) dan bencana serta perlu mengemaskini ke dalam sistem eBantuanJKM.

7. DOKUMEN DIPERLUKAN

- 7.1 Borang Tabung Bantuan Segera seperti di **Lampiran 5**;
- 7.2 Salinan MyKad pemohon (tujuan rekod); dan
- 7.3 Surat akuan terima bantuan segera seperti di **Lampiran 6** (**sekiranya diluluskan**).

8. KADAR BANTUAN

- 8.1 Bantuan yang ditetapkan adalah wang tunai atau barangan makanan atau kedua-duanya dengan jumlah maksimum tidak melebihi RM300.
- 8.2 PYDK boleh menentukan kadar yang bersesuaian mengikut keperluan kes selagi tidak melebihi kadar maksimum TBS.
- 8.3 Bagi kes bayaran bulan pertama dan *refund*, kadar bayaran adalah berdasarkan jenis bantuan bulanan yang diluluskan.

BIL	KATEGORI	KADAR MAKSIMUM (RM)
1.	Bantuan serta merta	Wang tunai atau barangan makanan atau kedua-duanya dengan jumlah maksimum tidak melebihi RM300
2.	Bantuan Segera melalui Aktiviti/Program Pendampingan Sosial (<i>Outreach Programme</i>)	
3.	Mangsa Bencana Kecil/ Terpencil	
4.	Kes Terdampar	
5.	Bantuan sekaligus bagi kes yang memerlukan	
6.	Bayaran pertama bagi bantuan bulanan	Mengikut kadar bantuan yang
7.	Bayaran balik bantuan (<i>refund</i>)	diluluskan

9. PROSES KERJA DAN CARTA ALIR

Proses Kerja dan Carta Alir Bagi Panjar Khas TBS adalah seperti di Lampiran 7 dan Lampiran 8.



BAHAGIAN II:
TATACARA PENGURUSAN KEWANGAN PANJAR KHAS
TABUNG BANTUAN SEGERA



BAB A:

**PERWAKILAN KUASA DAN
KUASA TETAP PANJAR KHAS**

1. PERWAKILAN KEWAJIPAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 11

- 1.1. Selaras dengan AP 11(a) kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai-pegawai bawahan yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal mestilah dinyatakan dengan jelas olehnya, dan khususnya setakat mana mereka itu dibenarkan menjalankan bagi pihaknya, tugas-tugas yang menjadi tanggungjawabnya mestilah dinyatakan dengan bertulis.
- 1.2. Dalam pengurusan panjar khas, perwakilan kewajipan meliputi perkara berikut:
 - (a) Kuasa mengesahkan cek panjar khas dan menunaikan cek panjar khas di bank;
 - (b) Kuasa mengurus dan menyelenggara panjar khas;
 - (c) Kuasa memapar urusan niaga di portal bank panjar khas secara atas talian;
 - (d) Kuasa meluluskan pembayaran melalui panjar khas;
 - (e) Kuasa memperaku dan menyemak dokumen kewangan iGFMAS;
 - (f) Kuasa melaksanakan pemeriksaan mengejut terhadap panjar; dan
 - (g) Kuasa mengawal peti besi bagi tujuan penyimpanan selamat panjar khas.

2. KUASA TETAP PANJAR KHAS

- 2.1. Ia merupakan pemberian kuasa kepada pegawai untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:
 - (a) Mengesahkan cek panjar khas dan menunaikan cek panjar khas di bank; dan
 - (b) Memapar baki akaun bank panjar khas melalui portal perbankan internet sahaja. PTJ **dilarang** menandatangani sebarang kontrak dengan pihak bank berhubung kemudahan ini.

- 2.2. Pengemaskinian kuasa tetap panjar khas hendaklah dibuat jika berlaku pertukaran pegawai melalui borang yang ditetapkan iaitu:
- (a) Pengurusan bank – **Borang Kuasa tetap (AK52) di modul Panjar portal iGFMAS seperti di Lampiran 9.** Penggunaan Borang Kuasa Tetap manual tidak lagi dibenarkan.
 - (b) Capaian perbankan internet – Kemaskini menggunakan **Borang Kuasa Tetap (AK52) Capaian Perbankan Internet** seperti di **Lampiran 10.**
- 2.3. PTJ hendaklah mengemukakan terus permohonan kelulusan kuasa tetap ini kepada Bahagian Akaun KPWKM dalam **empat (4) set** berserta dokumen sokongan berikut:
- (a) Surat iringan;
 - (b) Borang Kuasa Tetap (AK52);
 - (c) Salinan kad pengenalan pegawai;
 - (d) Salinan Penyata Akaun Bank panjar; dan
 - (e) Borang Contoh Tandatangan yang dikeluarkan oleh bank (jika perlu).

3. KUASA MENGURUS DAN MENYELENGGARA PANJAR KHAS

- 3.1. Hanya pemegang panjar yang diwakilkan kuasa sahaja bertanggungjawab dalam menguruskan panjar, mengemaskini rekod panjar dan memastikan semua wang tunai dan buku cek panjar khas disimpan dengan selamat.
- 3.2. Pemegang panjar juga bertanggungjawab terhadap perkara berikut:
- (a) Memastikan semua bayaran dan terimaan panjar disediakan dan diperakukan oleh pegawai yang diberi kuasa;
 - (b) Memastikan Buku Tunai Panjar diselenggara bagi merekodkan semua transaksi terimaan dan bayaran;
 - (c) Memastikan Sijil Perakuan Panjar dan Penyata Penyesuaian Bank Panjar disediakan dan dikemukakan kepada Bahagian Akaun KPWKM pada setiap bulan **selewat-lewatnya 14 haribulan bulan berikutnya**; dan

- (d) Melaporkan sebarang kehilangan wang panjar khas kepada Pegawai Pengawal melalui Ketua Jabatan dan tindakan selanjutnya mengikut Tatacara Kehilangan Wang Awam yang berkuat kuasa.

- 3.3. Jika pemegang panjar bertukar, satu penyata serupa dengan penyata bulanan yang menunjukkan kedudukan panjar pada masa penyerahan tugas hendaklah disediakan, ditandatangani oleh kedua-dua pegawai yang menyerahkan tugas dan mengambil tugas.

4. KUASA MELAKSANAKAN PEMERIKSAAN MENGEJUT TERHADAP PANJAR – AP309

- 4.1. Hanya Ketua Jabatan bertanggungjawab melaksanakan pemeriksaan mengejut secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh akhir ianya dilaksanakan.
- 4.2. Pemeriksaan mengejut ini meliputi barang berharga, wang tunai, buku cek panjar khas dan terimaan lain.
- 4.3. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Buku Pemeriksaan Mengejut.

5. KUASA MELAKSANAKAN PEMERIKSAAN DALAMAN – AP308

- 5.1. Selain dari pemeriksaan mengejut terhadap barang berharga, Ketua Jabatan dari semasa ke semasa boleh melantik pegawai lain menjalankan pemeriksaan mengejut atas sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan atau perakaunan untuk mengetahui samada prosedur-prosedur yang betul difahami dengan sepatutnya dan sentiasa diikuti.
- 5.2. Hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan dalam Buku Pemeriksaan Mengejut.



BAB B:

**TATACARA MEWUJUDKAN PANJAR KHAS,
MENAMBAH HAD APUNGAN, MENGURANGKAN HAD APUNGAN,
MENUTUP PANJAR KHAS DAN
MENUKAR AKAUN BANK PANJAR KHAS**

1. TATACARA MEWUJUDKAN PANJAR KHAS

- 1.1. PTJ hendaklah mengemukakan **permohonan mewujudkan panjar khas dan pembukaan akaun bank Panjar Khas** kepada Bahagian Akaun KPWKM.
- 1.2. Permohonan tersebut hendaklah diteliti dan disokong oleh Ibu Pejabat Jabatan masing-masing.
- 1.3. Syarat permohonan mewujudkan panjar khas adalah seperti berikut:
 - (a) Mempunyai justifikasi permohonan yang kukuh;
 - (b) Pemegang panjar adalah berstatus PTJ Pemegang Waran Peruntukan; dan
 - (c) Peruntukan adalah mencukupi.
- 1.4. Permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen sokongan berikut:
 - (a) Surat iringan PTJ;
 - (b) Justifikasi permohonan;
 - (c) Cadangan had apungan panjar;
 - (d) Anggaran perbelanjaan panjar sebulan;
 - (e) Maklumat Kumpulan PTJ dan PTJ yang memerlukan panjar baharu:
 - ✓ Kumpulan PTJ/ PTJ Membayar
 - ✓ Kumpulan PTJ/ PTJ Dipertanggung
 - ✓ Kod Pejabat Perakaunan
 - (f) Nama pemegang panjar (Jawatan Ketua PTJ dan nama PTJ);
 - (g) Nama Pemegang Akaun Bank Panjar (Jawatan Ketua PTJ dan nama PTJ);
 - (h) Maklumat lengkap bank panjar yang dipilih yang mengandungi nama, alamat, nombor telefon, pegawai yang

bertanggungjawab dan alamat emel bagi bank yang terdekat dan mampu memberikan perkhidmatan yang baik; dan

- (i) Lain-lain dokumen berkaitan.
- 1.5. Jika permohonan mewujudkan panjar khas baharu **diluluskan**, PTJ perlu membuka akaun bank atas nama "**Pemegang Panjar Khas yang diluluskan oleh JANM**".
- 1.6. Setelah akaun bank panjar khas baharu dibuka di bank:
- (a) Dapatkan buku cek dari bank bagi tujuan pengeluaran wang tunai;
 - (b) Kemukakan permohonan kuasa tetap panjar khas (AK52) dalam empat (4) salinan dengan menyenaraikan pegawai yang bertanggungjawab mengesahkan cek panjar khas dan menunaikan cek panjar khas;
 - (c) Kemukakan Borang Pendaftaran / Penamatan Penerima Bayaran iGFMAS berserta salinan akaun bank panjar agar maklumat bank panjar khas dapat dikemaskini dalam Kod Vendor Panjar iGFMAS dan baucar apungan pertama dapat disediakan; dan
 - (d) Borang Pendaftaran / Penamatan Penerima Bayaran iGFMAS adalah seperti di **Lampiran 11**.
- 1.7. Jika perkara di 1.6 (b) **telah dikemaskini**, PTJ perlu menyediakan dokumen Arahan Pembayaran Apungan Panjar di portal iGFMAS dengan perincian berikut:
- (a) Gunakan Modul Invois Tanpa Pesanan Kerajaan > Apungan Panjar (Jenis Dokumen KX);
 - (b) Masukkan Kod Vendor iGFMAS (**KXXX**) di ruangan Kod Pembekal;
 - (c) Catatkan nombor rujukan kelulusan JANM di ruangan perihal bayaran; dan

(d) Baris caj dipertanggung adalah seperti berikut:

Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Kod Akaun	Amaun (RM)	D/K
D9	PTJ Pemegang Panjar (50XXXXXX)	G000	A2911101	Jumlah apungan yang diluluskan	D

1.8. Jika baucar apungan telah berstatus 80 dan notifikasi eMAKLUM telah diterima, cetak eMaklum Arahan Pembayaran Apungan Panjar.

1.9. Setelah jumlah apungan yang berjaya dikreditkan ke akaun bank panjar khas, PTJ perlu membuat penerimaan apungan asal di portal iGFMAS dengan perincian berikut:

(a) Gunakan modul Panjar > Penerimaan Apungan Asal/Tambahan Apungan > Daftar;

(b) Masukkan ID Panjar KXXX;

(c) Lengkapkan nombor EFT dan tarikh EFT baucar apungan panjar;

(d) Baris caj dipertanggung adalah seperti berikut:

Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Kod Akaun	Amaun (RM)
D9	PTJ Pemegang Panjar (50XXXXXX)	G000	A2911101	Jumlah apungan yang diluluskan

(e) Lengkapkan tarikh penerimaan tunai.

1.10. Semak baki panjar di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar bagi memastikan apungan telah dikemaskini.

2. TATACARA MENAMBAH HAD APUNGAN PANJAR KHAS

2.1. PTJ hendaklah mengemukakan permohonan menambah had apungan Panjar Khas kepada Bahagian Akaun KPWKM.

- 2.2. Permohonan tersebut hendaklah diteliti dan disokong oleh Ibu Pejabat Jabatan masing-masing.
- 2.3. Syarat permohonan menambah had apungan panjar khas adalah seperti berikut:
 - (a) Penggunaan panjar dalam tempoh semasa adalah sangat aktif; dan
 - (b) Peruntukan adalah mencukupi.
- 2.4. Permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen sokongan berikut:
 - (a) Surat iringan PTJ;
 - (b) Justifikasi permohonan;
 - (c) Cadangan had apungan baharu;
 - (d) Aliran perbelanjaan sebenar panjar untuk tempoh 3 bulan;
 - (e) Maklumat Kumpulan PTJ dan PTJ pemegang panjar:
 - ✓ Kumpulan PTJ/ PTJ Membayar
 - ✓ Kumpulan PTJ/ PTJ Tanggung
 - ✓ Kod Pejabat Perakaunan
 - ✓ ID panjar
 - ✓ Kod Vendor panjar
 - (f) Lain-lain dokumen berkaitan.
- 2.5. Jika permohonan menambah had apungan panjar **diluluskan**, PTJ perlu menyediakan dokumen Arahan Pembayaran Apungan Panjar di portal iGFMS dengan perincian berikut:
 - (a) Gunakan Modul Invois Tanpa Pesanan Kerajaan > Apungan Panjar (Jenis Dokumen KX);
 - (b) Masukkan Kod Vendor iGFMS (**KXXX**) di ruangan Kod Pembekal;
 - (c) Catatkan nombor rujukan kelulusan JANM di ruangan perihal bayaran; dan

(d) Baris caj dipertanggung adalah seperti berikut:

Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Kod Akaun	Amaun (RM)	D/K
D9	PTJ Pemegang Panjar (50XXXXXX)	G000	A2911101	Jumlah tambahan apungan yang diluluskan	D

2.6. Jika baucar tambah apungan telah berstatus 80 dan notifikasi eMAKLUM telah diterima, cetak eMaklum Arahan Pembayaran Apungan Panjar.

2.7. Setelah jumlah tambahan apungan yang berjaya dikreditkan ke akaun bank panjar khas, PTJ perlu membuat penerimaan tambahan apungan di portal iGFMS dengan perincian berikut:

- (a) Gunakan modul Panjar > Penerimaan Apungan Asal/Tambahan Apungan > Daftar;
- (b) Masukkan ID Panjar KXXX;
- (c) Lengkapkan nombor EFT dan tarikh EFT baucar apungan panjar;
- (d) Baris caj dipertanggung adalah seperti berikut:

Pegawai Pengawal	Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Kod Akaun	Amaun (RM)
D9	PTJ Pemegang Panjar (50XXXXXX)	G000	A2911101	Jumlah tambahan apungan yang diluluskan

(e) Lengkapkan tarikh penerimaan tunai.

2.8. Semak baki panjar di Laporan Buku Tunai Panjar bagi memastikan jumlah apungan baharu telah dikemaskini.

3. TATACARA MENGURANGKAN HAD APUNGAN PANJAR KHAS

- 3.1. PTJ hendaklah mengemukakan permohonan mengurangkan had apungan Panjar Khas kepada Bahagian Akaun KPWKM.
- 3.2. Permohonan tersebut hendaklah diteliti dan disokong oleh Ibu Pejabat Jabatan masing-masing.
- 3.3. Permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen sokongan berikut:
 - (a) Surat iringan PTJ;
 - (b) Justifikasi permohonan;
 - (c) Cadangan had apungan baharu;
 - (d) Aliran perbelanjaan sebenar panjar untuk tempoh 3 bulan;
 - (e) Maklumat Kumpulan PTJ dan PTJ pemegang panjar:
 - ✓ Kumpulan PTJ/ PTJ membayar
 - ✓ Kumpulan PTJ/ PTJ tanggung
 - ✓ Kod Pejabat Perakaunan
 - ✓ ID panjar
 - ✓ Kod Vendor panjar
 - (f) Lain-lain dokumen berkaitan.
- 3.4. Jika permohonan mengurangkan had apungan panjar **diluluskan**:
 - (a) Pastikan semua rekupmen dan penerimaan rekupmen telah dibuat; dan
 - (b) Baki panjar di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar bersamaan dengan apungan yang diluluskan.
- 3.5. Sediakan pengurangan apungan di portal iGFMAS dengan perincian berikut:
 - (a) Gunakan modul Panjar > Pengurangan Apungan /Tutup Panjar > Daftar;

- (b) Masukkan ID Panjar KXXX; dan
- (c) Baris caj dipertanggung adalah seperti berikut:

Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Kod Pembekal	Amaun (RM)
PTJ Pemegang Panjar (50XXXXXX)	G000	Kod Vendor panjar (KXXX)	Jumlah apungan yang hendak dikurangkan

- 3.6. Sediakan resit rasmi (Kew.38e) (**Jenis Resit Panjar**) di modul Terimaan portal iGFMAS. Tindakan di perkara 3.5 dan 3.6 hendaklah **dibuat dalam bulan yang sama**.
- 3.7. Daftar Serahan Wang dan Penyata Pemungut Auto di modul Terimaan portal iGFMAS.
- 3.8. Masukkan wang panjar yang hendak dikurangkan ke dalam **Akaun Bank Terimaan Utama Pejabat Perakaunan PTJ** masing-masing.
- 3.9. Semak baki panjar di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar dan pastikan jumlah apungan baharu telah dikemaskini.
- 3.10. Kemukakan sesalinan resit, penyata pemungut dan Laporan Buku Tunai Akaun Panjar tersebut kepada Bahagian Akaun KPWKM untuk semakan lanjut.

4. TATACARA MENUTUP PANJAR KHAS

- 4.1. PTJ hendaklah mengemukakan permohonan menutup Panjar Khas kepada Bahagian Akaun KPWKM.
- 4.2. Permohonan tersebut hendaklah diteliti dan disokong oleh Ibu Pejabat Jabatan masing-masing.
- 4.3. Permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen sokongan berikut:
 - (a) Surat iringan PTJ;
 - (b) Justifikasi permohonan;

(c) Maklumat Kumpulan PTJ dan PTJ pemegang panjar:

- ✓ Kumpulan PTJ/ PTJ membayar
- ✓ Kumpulan PTJ/ PTJ tanggung
- ✓ Kod Pejabat Perakaunan
- ✓ ID panjar
- ✓ Kod Vendor panjar

(d) Lain-lain dokumen berkaitan.

4.4. Jika permohonan menutup panjar **diluluskan**:

- (a) Pastikan semua rekupmen dan penerimaan rekupmen telah dibuat; dan
- (b) Baki Laporan Buku Tunai Panjar semasa bersamaan dengan apungan asal.

4.5. Sediakan penutupan panjar di portal iGFMS dengan perincian berikut:

- (a) Gunakan modul Panjar > Pengurangan Apungan /Tutup Panjar > Daftar;
- (b) Masukkan ID Panjar KXXX; dan
- (c) Baris caj dipertanggung adalah seperti berikut:

Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Kod Pembekal	Amaun (RM)
PTJ Pemegang Panjar (50XXXXXX)	G000	Kod Vendor panjar (KXXX)	Jumlah apungan yang berbaki

4.6. Sediakan resit rasmi (Kew.38e) (**Jenis Resit Panjar**) di modul Terimaan portal iGFMS. Tindakan di perkara 4.5 dan 4.6 hendaklah **dibuat dalam bulan yang sama**.

4.7. Daftar Serahan Wang dan Penyata Pemungut Auto di modul Terimaan portal iGFMS.

- 4.8. Masukkan **semua jumlah wang panjar** ke dalam Akaun Bank Terimaan Utama Pejabat Perakaunan PTJ masing-masing.
- 4.9. Semak baki panjar di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar dan pastikan **berbaki sifar**.
- 4.10. Kemukakan dokumen-dokumen berikut kepada Bahagian Akaun KPWKM bagi tujuan penamatan kod vendor panjar dan penutupan akaun bank panjar khas;
 - (a) Surat permohonan penutupan akaun bank panjar khas;
 - (b) Salinan resit dan penyata pemungut;
 - (c) Laporan Buku Tunai Panjar yang berbaki sifar;
 - (d) Penyata Akaun Bank Panjar yang berbaki sifar;
 - (e) Sijil Perakuan Panjar; dan
 - (f) Borang Pendaftaran / Penamatan Penerima Bayaran iGFMAS.

5. TATACARA MENUKAR AKAUN BANK PANJAR KHAS

- 5.1. PTJ hendaklah mengemukakan permohonan penutupan akaun bank Panjar Khas lama dan pembukaan akaun bank Panjar Khas baharu kepada Bahagian Akaun KPWKM.
- 5.2. Permohonan tersebut hendaklah diteliti dan disokong oleh Ibu Pejabat Jabatan masing-masing.
- 5.3. Permohonan hendaklah lengkap dengan dokumen sokongan berikut:
 - (a) Surat iringan PTJ;
 - (b) Justifikasi permohonan;
 - (c) Cadangan nama bank dan cawangan bank baharu;
 - (d) Nama Pemegang Akaun Bank Panjar Baharu (Jawatan Ketua PTJ dan nama PTJ); dan

- (e) Lain-lain dokumen berkaitan.
- 5.4. Jika permohonan penukaran akaun bank panjar khas baharu **diluluskan**, PTJ perlu membuka akaun bank atas nama "**Pemegang Panjar Khas yang diluluskan oleh JANM**".
- 5.5. Setelah akaun bank panjar khas baharu dibuka di bank:
- (a) Arahkan bank untuk memindahkan wang panjar di akaun bank yang lama ke dalam akaun bank panjar khas yang baharu;
 - (b) Dapatkan buku cek dari bank bagi tujuan pengeluaran wang tunai;
 - (c) Kemukakan permohonan kuasa tetap panjar khas (AK52) baharu dalam empat (4) salinan dengan menyenaraikan pegawai yang bertanggungjawab mengesahkan cek panjar khas dan menunaikan cek panjar khas;
 - (d) Kemukakan Borang Pendaftaran / Penamatan Penerima Bayaran iGFMS berserta salinan akaun bank panjar baharu agar maklumat bank panjar khas dapat dikemaskini dalam Kod Vendor Panjar iGFMS; dan
 - (e) Borang Pendaftaran / Penamatan Penerima Bayaran iGFMS adalah seperti di **Lampiran 11**.



BAB C:

**TATACARA PEMBAYARAN
MELALUI PANJAR KHAS TABUNG BANTUAN SEGERA**

1. PERATURAN

- 1.1. Panjar khas ini hanya boleh digunakan bagi tujuan pembayaran bantuan segera yang telah diluluskan oleh PKMD/J/B atau Pegawai yang diberi kuasa.
- 1.2. Setiap pemegang panjar **adalah dilarang** untuk mengagihkan amaun panjar yang diluluskan kepada lain-lain PTJ / Pusat Kos **kecuali** mendapat semula kelulusan daripada Jabatan Akauntan Negara.
- 1.3. Pembayaran bagi tujuan selain di perenggan 1.1 adalah tidak dibenarkan.

2. ANGGARAN PERUNTUKAN BAGI TUJUAN PERBELANJAAN

- 2.1. Peruntukan bagi perbelanjaan bayaran bantuan segera dan rekupmen caj bank hendaklah dianggarkan setiap tahun oleh PTJ dan dikemukakan kepada JKMN masing-masing.
- 2.2. Bahagian Kebajikan Produktif Ibu Pejabat JKM adalah bertanggungjawab menyelaraskan permohonan peruntukan ini dan dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Ibu Pejabat JKM.
- 2.3. Peruntukan tahunan akan diagihkan kepada setiap PTJ berdasarkan keperluan selari dengan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

3. PENGURUSAN CEK PANJAR KHAS

- 3.1. Buku cek panjar khas hendaklah disimpan dengan selamat dan semua cek yang rosak dan ada kesilapan hendaklah dipalangkan dengan perkataan BATAL.
- 3.2. Setiap kali pengeluaran tunai di bank hendak dibuat, pemegang panjar hendaklah memastikan:
 - (a) **Nama Jawatan Ketua PTJ sahaja** dicatatkan pada cek;
 - (b) Cek panjar disediakan dan disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa seperti di dalam borang kuasa tetap (AK52);

- (c) Pegawai yang diberikan kuasa perlu menandatangani di ruang palang cek bagi urusan menunaikan cek; dan
- (d) Salinan surat kuasa tetap AK52 hendaklah dibawa bersama ke bank.

3.3. Selepas pengeluaran tunai berjaya dibuat, pegawai yang menunaikan cek hendaklah membuat serahan tunai tersebut kepada pemegang panjar dengan kadar segera.

4. PEMBAYARAN TABUNG BANTUAN SEGERA (TBS)

4.1. Unit Kewangan PTJ adalah bertanggungjawab:

- (a) Memastikan peruntukan adalah mencukupi bagi pembayaran tabung bantuan segera ini;
- (b) Memastikan tunai panjar di tangan adalah mencukupi bagi tujuan pembayaran;
- (c) Memproses permohonan bayaran tabung bantuan segera ini **dengan kadar segera** dengan menyediakan baucar kecil (Kew.50e) di portal iGFMAS;
- (d) Menyediakan baucar kecil atas nama **Pegawai Kes** dan ditanggung perbelanjaan ini kepada perincian berikut:

Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Program /Aktiviti	Kod Akaun	Amaun (RM)	No. Rujukan / Perihal
Ikut waran F4 yang diterima	B48	Ikut waran F4 yang diterima	B044x xxx	XXX	Ikut kesesuaian PTJ

- (e) Memastikan setiap baucar kecil mempunyai dokumen sokongan yang lengkap dan teratur seperti di berikut:

Bil	Jenis Bayaran	Dokumen Sokongan	Peruntukan
i.	Bantuan Serta merta	Borang kelulusan Tabung Bantuan Segera Sistem eBantuan (TBS)	Bantuan Sosial Ekonomi Lain-lain
ii.	Bantuan sekaligus bagi kes yang memerlukan		
iii.	Kes Terdampar		
iv.	Mangsa Bencana Kecil / Terpencil	Borang kelulusan Tabung Bantuan Segera Sistem eBantuan (TBS) atau Memo permohonan wang pendahuluan dari PKMD/J/B atau Penyelaras Kebajikan Produktif	
v.	Bayaran Pertama bagi Bantuan Bulanan (jika perlu)	Surat kelulusan permohonan bantuan skim	Mengikut Skim Bantuan yang disyorkan
vi.	Bayaran Balik Bantuan (Refund) (jika perlu)	Penyata penerimaan wang AP 96(a)	
vii.	Bantuan Segera Melalui Aktiviti/Program Pedampingan Sosial (Outreach Programme)	Memo permohonan wang pendahuluan dari PKMD/J/B atau Penyelaras Kebajikan Produktif (Lampiran 12)	Bantuan Sosial Ekonomi Lain-lain

Catatan: Sekiranya Sistem eBantuanJKM tidak dapat di akses pada waktu tersebut, Borang kelulusan Tabung Bantuan Segera manual adalah diperlukan bagi tujuan pembayaran.

- (f) Memastikan semua baucar kecil disempurnakan sehingga perakuan I dalam bulan semasa ia disediakan;

- (g) Menghapuskan baucar kecil yang tidak sempat diperakukan setelah masuk bulan baharu dan seterusnya menyediakan baucar kecil baharu dalam bulan berikutnya; dan
- (h) Menghadkan penggunaan baucar kecil manual kecuali jika berlaku masalah sistem iGFMS dan keperluan bayaran segera sahaja.

5. SERAHAN WANG TUNAI KEPADA PEGAWAI KES

- 5.1. Bagi setiap baucar kecil yang telah sempurna diperakukan, Unit Kewangan PTJ perlu membuat serahan wang tunai kepada Pegawai Kes.
- 5.2. Pegawai Kes yang dinamakan dalam baucar kecil adalah bertanggungjawab untuk memperakukan terimaan wang tunai tersebut dan membuat agihan dengan segera kepada klien yang terlibat.
- 5.3. Klien perlu menurunkan tandatangan atau cap jari pada Borang Akuan Penerimaan Bantuan Segera dan dikembalikan semula kepada Unit Kewangan PTJ untuk dikepilkan bersama baucar kecil.
- 5.4. Baucar kecil dan dokumen sokongan perlu di cop "**TELAH BAYAR**" setelah sempurna.

6. PULANGAN LEBIHAN WANG TUNAI YANG TIDAK DAPAT DIAGIHKAN

- 6.1. Sekiranya terdapat wang tunai yang tidak berjaya diagihkan kepada klien atas sebab-sebab tertentu, wang tunai tersebut hendaklah dipulangkan semula kepada Unit Kewangan PTJ **dalam tempoh 3 hari bekerja** dari tarikh ambilan tunai. Dokumen sokongan serahan wang lebihan adalah seperti berikut:
 - (a) Memo serahan lebihan wang (**Lampiran 13**);
 - (b) Borang siasatan awal bantuan segera; dan
 - (c) Baki wang tunai.

- 6.2. Lebihan wang tunai tersebut hendaklah diperakaunkan dengan menyediakan resit di modul Terimaan portal iGFMS mengikut keadaan berikut:
- (a) Pulangan lebihan bayaran bantuan tahun semasa = Diperakaunkan semula ke vot PTJ; atau
 - (b) Pulangan lebihan bayaran bantuan tahun-tahun lalu= Diperakaunkan ke dalam akaun hasil.



BAB D:

**TATACARA REKUPMEN DAN PENERIMAAN
REKUPMEN PANJAR KHAS**

1. PERATURAN REKUPMEN PANJAR

- 1.1. Reкупmen adalah satu proses yang perlu dibuat oleh pemegang panjar untuk mendapatkan semula wang yang telah dibelanjakan.
- 1.2. Kekekapan reкупmen adalah **minimum sekali sebulan** atau jika baki panjar tidak mencukupi (mana yang terdahulu).
- 1.3. Pemegang panjar adalah dilarang sama sekali mengumpul reкупmen ke beberapa bulan kerana akan menyebabkan kesukaran dalam pembayaran tabung bantuan segera pada masa akan datang.
- 1.4. Pemegang panjar juga tidak wajar merecup setiap kali membuat bayaran jika baki tunai masih mencukupi dan ada lagi pembayaran lain dalam bulan semasa kerana tindakan ini akan membebankan sistem.
- 1.5. Semua baucar kecil Kew.50e perlu disertakan mengikut turutan pada Arahan Pembayaran Reкупmen Panjar sebagai dokumen sokongan pembayaran.
- 1.6. Dokumen reкупmen panjar perlu bermula di modul Panjar **portal iGFMS** (Jenis dokumen C4).
- 1.7. Satu reкупmen akhir perlu dibuat pada setiap kali penutupan akaun tahunan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

2. DOKUMEN REKUPMEN PANJAR

- 2.1. Terdapat dua (2) jenis reкупmen dalam **portal iGFMS** iaitu:
 - (a) **Reкупmen Auto**
 - i. Kew.50e dihantar terus ke modul Arahan Pembayaran secara **auto** sebaik sahaja baki panjar mencecah baki minima (30%); dan
 - ii. Proses kerja akan bermula dari modul Pengurusan Arahan Pembayaran > Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan > Kemaskini dokumen.

(b) **Rekupmen Manual**

- i. Kew.50e perlu dihantar ke modul Arahan Pembayaran secara **manual** setiap kali rekupmen hendak dibuat; dan
 - ii. Proses kerja akan bermula dari modul Panjar > Rekupmen > Daftar Rekupmen > Pengurusan Arahan Pembayaran > Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan > Kemaskini Dokumen.
- 2.2. Perihal dokumen rekupmen dijana secara automatik (Tahun semasa / ID Panjar / Bilangan rekupmen / Jenis Rekupmen).
- 2.3. Rekupmen Panjar akan dipertanggung secara automatik seperti berikut:

Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Program /Aktiviti	Kod Akaun	Amaun (RM)	D/K
PTJ Pemegang Panjar	G000	-	A2911101	XXX	D

3. PERATURAN PENERIMAAN REKUPMEN PANJAR

- 3.1. Penerimaan rekupmen adalah satu proses yang perlu dibuat oleh pemegang panjar **selepas** bayaran rekupmen dikreditkan ke bank atau notifikasi eMAKLUM diterima.
- 3.2. Proses ini bertujuan untuk:
- (a) Mengunci masuk amaun rekupmen yang telah diperoleh;
 - (b) Mengemaskini baki panjar di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar; dan
 - (c) Mengosongkan Akaun Transit Panjar (A2911101).
- 3.3. Pemegang panjar adalah **dilarang** membuat penerimaan rekupmen sekiranya bayaran rekupmen masih belum diproses oleh Pejabat Perakaunan.

- 3.4. Dokumen penerimaan rekupmen panjar perlu bermula di modul Panjar **portal iGFMAS** (jenis dokumen C5).
- 3.5. Satu penerimaan rekupmen akhir perlu dibuat pada setiap kali penutupan akaun tahunan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

4. DOKUMEN PENERIMAAN REKUPMEN

- 4.1. Penerimaan rekupmen panjar akan dipertanggung seperti berikut:

Kump. PTJ & PTJ	Vot/ Dana	Program /Aktiviti	Kod Akaun	Amaun (RM)	D/K
PTJ Pemegang Panjar	G000	-	A2911101	XXX	K

- 4.2. Penerimaan rekupmen hendaklah diluluskan **dalam bulan yang sama** ia disediakan.
- 4.3. Penerimaan rekupmen yang tidak sempat diluluskan setelah masuk bulan baharu hendaklah dihapuskan dan seterusnya menyediakan penerimaan rekupmen baharu dalam bulan berikutnya.
- 4.4. Pemegang panjar hendaklah memasktikan baki panjar di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar dikemaskini selepas penerimaan rekupmen diluluskan.



BAB E:

TATACARA PENGURUSAN HIBAH DAN CAJ BANK

1. PENGURUSAN HIBAH

- 1.1. Hibah adalah pulangan yang diberikan oleh bank berdasarkan baki simpanan setiap bulan.
- 1.2. Hibah akan menyebabkan baki panjar melebihi apungan yang diluluskan.
- 1.3. Perbezaan antara baki panjar di Laporan Buku Tunai Akaun Panjar dengan baki di penyata bank adalah disebabkan oleh hibah yang **belum dikreditkan ke hasil**.
- 1.4. Pemegang panjar bertanggungjawab mengeluarkan hibah ini melalui penyediaan cek panjar atas **nama jawatan Ketua Jabatan**, disusuli dengan penyediaan resit dan penyata pemungut di modul Terimaan portal iGFMAS dan kemudiannya dikreditkan cek tersebut ke bank terimaan Pejabat Perakaunan masing-masing.
- 1.5. **Kod akaun** yang perlu digunakan bagi memperakaunkan hibah adalah:
 - (a) **H0275401** - Faedah Dari Baki Wang Dalam Bank (Bagi memperakaunkan hibah tahun semasa); dan
 - (b) **H0181101** Terimaan Balik Bayaran Tahun-tahun Lalu (Bagi memperakaunkan hibah tahun lalu)
- 1.6. Pengeluaran hibah boleh dibuat secara berkala mengikut sukuan, setiap 6 bulan atau sebelum penutupan akaun tahunan.

2. PENGURUSAN CAJ BANK

- 2.1. Caj bank adalah caj yang dikenakan oleh bank kepada akaun bank panjar bagi urusan berikut:

Bil.	Perkara	Kadar Caj Maksimum (RM)
i.	Caj pengeluaran cek tunai	RM0.50
ii.	Caj penyata bank	RM10.00

- 2.2. Caj bank akan menyebabkan baki panjar berkurang dari apungan yang diluluskan.
- 2.3. Perbezaan antara baki panjar di Laporan Buku Tunai Akaun dengan baki di penyata bank adalah disebabkan oleh **caj bank yang belum direkup.**
- 2.4. JKM Negeri bertanggungjawab menyalurkan peruntukan **OS29000 minimum RM30.00 setahun kepada semua PKMD/J/B** agar rekupmen caj bank dapat dibuat.
- 2.5. Rekupmen caj bank boleh dibuat secara berkala mengikut sukuan, setiap 6 bulan atau sebelum penutupan akaun tahunan melalui kaedah berikut:
 - (a) Menyediakan baucar kecil Kew.50e dan disokong dengan salinan penyata bank yang menunjukkan caj bank tersebut; dan
 - (b) Tiada elemen aliran tunai keluar bagi bayaran rekupmen caj bank.
- 2.6. **Kod akaun** yang perlu digunakan bagi merekup caj bank adalah:
 - (a) B0229139 - Bayaran Caj Pemprosesan Cek; dan
 - (b) B0229199 - Perkhidmatan Yang Lain (Caj penyata bank dan lain-lain)
- 2.7. Caj bank tahun-tahun lalu yang tidak sempat direkup hendaklah **dibayar di bawah AP58(a)**. Kelulusan AP58(a) perlu dipohon dari Pejabat Perakaunan PTJ masing-masing sebelum pembayaran melalui baucar kecil Kew.50e dibuat. Ini kerana caj bank tersebut telah sempurna tetapi tidak sempat dibayar dalam tahun semasa atas sebab-sebab tertentu seperti penutupan akaun tahunan.



BAB F:

**TATACARA PENYIMPANAN PANJAR DAN
KESELAMATAN PANJAR**

1. PENYIMPANAN PANJAR

- 1.1. Tiada had jumlah panjar yang hendak dipegang oleh pemegang panjar pada satu-satu masa. Walaubagaimanapun, keselamatan panjar perlu diutamakan.
- 1.2. Buku cek panjar khas dan tunai panjar khas hendaklah disimpan dalam peti tunai (*cash box*) yang **berasingan** dengan barang berharga yang lain seperti tunai panjar wang runcit dan terimaan-terimaan lain sebelum disimpan di dalam peti besi.
- 1.3. Ketua Jabatan hendaklah memastikan prosedur penyimpanan wang tunai Panjar Khas mengikut Arahan Perbendaharaan 126 dan 127.
- 1.4. Pemeriksaan Mengejut dan Pemeriksaan Dalaman terhadap panjar perlu dibuat bagi memastikan tunai panjar tersebut masih wujud, teratur dan disimpan dengan selamat.
- 1.5. Sebarang kehilangan wang panjar khas hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Pengawal melalui Ketua Jabatan dan tindakan selanjutnya mengikut Tatacara Kehilangan Wang Awam yang berkuat kuasa.



BAB G:

**TATACARA PENGURUSAN SIJIL PERAKUAN PANJAR DAN
PENYATA PENYESUAIAN BANK PANJAR**

1. PERATURAN

- 1.1. Sebelum penutupan akaun bulanan, pemegang panjar hendaklah memastikan perkara berikut telah diambil tindakan:
 - (a) Semua baucar kecil Kew.50e telah diluluskan atau dihapuskan jika tidak perlu; dan
 - (b) Semua rekupmen panjar yang telah diperolehi dibuat penerimaan rekupmen dan diluluskan.
- 1.2. Pada permulaan setiap bulan, pemegang panjar hendaklah memastikan perkara berikut telah diambil tindakan:
 - (a) Laporan Buku Tunai Panjar telah dicetak dan disemak oleh pegawai Penyelia atau Ketua Jabatan;
 - (b) Baki Tunai Panjar Khas di tangan pada akhir bulan dicatatkan pada Laporan Buku Tunai Panjar tersebut untuk tujuan penyediaan Sijil Perakuan Panjar dan Penyata Penyesuaian Bank Panjar Khas bulanan; dan
 - (c) Penyata bulanan bank panjar yang telah diperolehi perlu disimpan dengan teratur.

2. SIJIL PERAKUAN PANJAR DAN PENYATA PENYESUAIAN BANK PANJAR BULANAN

- 2.1. Sijil Perakuan Panjar dan Penyata Penyesuaian Bank Panjar hendaklah disediakan setiap bulan mengikut format yang ditetapkan dan dikemukakan kepada Bahagian Akaun KPWKM. Contoh format Sijil Perakuan Panjar dan Penyata Penyesuaian Bank Panjar adalah seperti di **Lampiran 14**.
- 2.2. Dokumen sokongan dalam penyediaan sijil dan penyata tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) Set Lampiran A3 – Sijil Perakuan Panjar;
 - (b) Set Lampiran A3.3 – Penyata Penyesuaian Bank Panjar;
 - (c) Penyata Bank bulanan;

- (d) Laporan Buku Tunai Bulanan yang telah disahkan;
- (e) Maklumat caj bank yang belum direkup dan hibah yang belum dikreditkan ke hasil;
- (f) Maklumat Baki Tunai Panjar Khas di tangan berakhir setiap bulan; dan
- (g) Laporan Bulanan Aset (Terperinci) bagi kod akaun A2911101 dan A0117615.

3. KERTAS KERJA SOKONGAN PANJAR BAGI PENUTUPAN INTERIM (SEPTEMBER)

- 3.1. Pada setiap tahun, pemegang panjar hendaklah menyediakan Kertas Kerja Sokongan Panjar bagi penutupan interim bulan September.
- 3.2. Sebelum berakhirnya bulan September bagi penutupan interim (atau mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Pejabat Perakaunan) semua pemegang panjar adalah bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berikut:
 - (a) Mematuhi tarikh penutupan yang ditetapkan;
 - (b) Menjana **Laporan Senarai Dokumen Bagi Proses Panjar Yang Belum Selesai**. Hapuskan dokumen panjar yang telah melangkau bulan dan sediakan dokumen baharu (jika perlu);
 - (c) Memastikan semua **caj bank** telah direkup sehingga bulan Ogos 20XX;
 - (d) Memastikan semua **hibah terkumpul** telah dikreditkan ke hasil sehingga bulan Ogos 20XX;
